

TALKING POINT
BRIG JEN DATUK PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR UniMAP
TAKLIMAT PENGURUSAN KEWANGAN
(BAJET, PEROLEHAN, PELUPUSAN, AUDIT, AUTONOMI & GST)
PADA 18 NOVEMBER 2014 (SELASA)
DI AUDITORIUM,
PERPUSTAKAAN TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Ilmu, Keikhlasan dan Kecemerlangan UniMAP,

Salutasi

Yang Berbahagia, Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UniMAP,

Yang Berbahagia, Prof. Dr. Abdul Hamid Adom, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP,

Yang Berbahagia, Prof. Madya Mohd Fo'ad Sakdan, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UniMAP,

Yang Berusaha, Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP merangkap Pengerusi Program

Yang Berusaha En. Zuber Hj Mohamad, Pendaftar UniMAP

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Ketua Pustakawan UniMAP

Penolong-Penolong Naib Canselor, Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan UniMAP

Sekretariat Taklimat Pengurusan Kewangan,

Para Pegawai dan staf pelaksana yang menguruskan kewangan di Pusat-Pusat Tanggungjawab (PTJ) UniMAP dan seterusnya Hadirin-hadirat yang dihormati dan dikasihi sekalian

Kata Alu-aluan

1. Alhamdulillah, syukur saya panjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya maka dapat kita sama-sama berkumpul pada pagi yang berbahagia ini untuk menghadiri sesi **Taklimat Pengurusan Kewangan (Bajet, Perolehan, Pelupusan, Audit, Autonomi & GST)** anjuran Jabatan Bendahari UniMAP.
2. Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ketua Jabatan serta kakitangan yang terlibat dalam menguruskan kewangan di Pusat-Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing yang telah hadir dan memberi komitmen untuk sama-sama menjayakan sesi Taklimat Pengurusan Kewangan pada pagi ini.

Hadirin sekalian,

3. **Seperti yang kita tahu**, Badan Berkanun Persekutuan termasuk UniMAP masih bergantung kepada **geran daripada Kerajaan** untuk menampung kos operasi dan melaksanakan aktiviti yang dirancang iaitu sebanyak 78 daripada 118 Badan Berkanun Persekutuan dilaporkan menerima geran mengurus daripada Kerajaan.

4. Untuk **Tahun 2013**, UniMAP telah **diluluskan peruntukannya** (termasuk **geran kerajaan + sumber dalaman universiti**) sebanyak **RM 237,385,439.00 @ RM237.4 Juta** manakala peruntukan diluluskan untuk **Tahun 2014** pula adalah sebanyak **RM234,942,826.33 @ RM234.9 Juta**. Sehingga jam 3 petang pada hari Jumaat 14 November 2014 (belum mengambilkira bayaran Gaji untuk November 2014), UniMAP telah berbelanja sehingga 86.8% atau **RM 217,286,817.19 @ RM217.3 Juta** daripada peruntukan tahun ini.
5. Kita juga sedar bahawa, Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) menghendaki setiap Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan tahunan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit.
6. Selaras dengan peruntukan Akta ini dan Akta Audit 1957, Jabatan Audit Negara menjalankan **pengauditan terhadap Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan** untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan berkaitan telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.
7. Sememangnya dengan adanya semakan dan teguran Audit saban tahun selain cadangan penambahbaikan yang disarankan oleh pihak Audit, maka kita dapat menambahbaik kualiti pengurusan kewangan UniMAP dari masa ke semasa.
8. Apa yang diharapkan daripada pihak Audit, terutamanya daripada pihak Audit Dalam UniMAP; tugas mereka bukan hanya mengesan dan mencari kesilapan semata-mata. Skop audit adalah lebih luas

terutama dalam memberi nasihat, pandangan dan cadangan tentang bagaimana untuk meningkatkan kecekapan kawalan dan pengurusan kewangan universiti dari semasa ke semasa.

Hadirin sekalian,

9. Sepertimana kita semua sedia maklum; dalam usaha untuk memuktamatkam laporan kewangan pada setiap tahun, proses **Pengurusan Kewangan Menjadi Nadi Bagi sebuah Organisasi**. Sumber-sumber ekonomi tidak dapat digerakkan tanpa pengurusan kewangan yang teratur. Prinsip utama pengurusan kewangan adalah Legaliti, Integriti dan Akauntabiliti.
 - a. **Legaliti** bermaksud pengurusan kewangan mestilah mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang digubal oleh kerajaan.
 - b. **Integriti** pula dikaitkan dengan nilai-nilai murni seperti jujur, amanah, telus, tulus, adil & saksama, berkecuali dan kebolehpercayaan. Penjawat awam yang mempunyai dan mengamalkan prinsip ini tidak bersikap mementingkan diri sendiri sebaliknya lebih mengutamakan kepentingan orang ramai. Manakala;
 - c. **Akauntabiliti** pula merujuk kepada kewajipan penjawat awam dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan mengikut undang-undang, prosedur dan arahan yang berkuatkuasa yang ditetapkan. Akauntabiliti amat penting bagi memastikan tugas-tugas yang dilaksanakan mencapai objektif yang telah ditetapkan dan tiada pembaziran yang menjelaskan sumber-sumber awam.

10. Mengikut laporan yang dikeluarkan oleh Transparency International pada 3 Disember 2013 yang lalu, Malaysia naik satu anak tangga daripada 54 ke 53 berbanding tahun 2012.
11. Kedudukan ini diukur berdasarkan skor daripada 0 ke 100 (0 paling tinggi rasuah ke 100 paling bebas rasuah) menyaksikan Malaysia mendapat skor 50 mata berbanding 49 mata yang diperoleh pada tahun lalu. Ini menunjukkan bahawa tahap rasuah yang berlaku di Malaysia masih belum turun dengan signifikan.
12. Oleh itu, saya berharap dengan adanya gabungan legaliti, integriti dan akauntabiliti ini, kadar rasuah di Negara kita dapat dikurangkan secara berperingkat dan teratur. Hal ini kerana, mereka yang diberi peranan dan tanggungjawab dalam bidang kewangan sama ada di Jabatan Bendahari sendiri, maupun di semua PTJ UniMAP yang diberi peruntukan malah kepada setiap anggota dan warga kerja UniMAP itu sendiri.
13. Secara langsung atau tidak langsung Warga kerja UniMAP menjadi pengguna kepada peruntukan tersebut; kepada yang menguruskan kewangan di setiap PTJ harus mempunyai nilai integriti dan akauntabiliti yang tinggi bagi mengelakkan sebarang penyalahgunaan kuasa kewangan.
14. Saya rasa, saya tidak perlu memanjangkan ucapan saya dengan menyentuh tentang kepentingan dan peranan serta tanggungjawab besar yang kita galas dalam menguruskan kewangan UniMAP termasuk proses-proses semasa perlaksanaan pengurusan perolehan, pembelian dan perbelanjaan peruntukan universiti ini. Aspek ini saya percaya akan disentuh sebentar lagi oleh barisan penceramah Taklimat Pengurusan Kewangan sebentar lagi.

15. Sebagai Naib Canselor saya amat mengalu-alukan usaha semua pihak untuk duduk dan berkongsi ilmu & idea selain mengadakan sesi-sesi perbincangan dan mesyuarat secara berkala. Transformasi dan inovasi dalam mencari kaedah terbaik dalam bidang kewangan juga dialu-alukan terutamanya apabila universiti kita mendapat taraf autonomi kelak untuk lebih menjurus ke arah penjanaan pendapatannya sendiri.

Hadirin dan hadirat sekalian,

16. Saya percaya platform yang diadakan pada pagi ini akan dapat meningkatkan lagi kefahaman selain dapat menjadi pencetus kepada kekreatifan kewangan dalam menyokong usaha universiti ke arah globalisasi.

17. Akhir kata, semoga Taklimat Pengurusan Kewangan yang dianjurkan pada hari ini akan dapat membantu kita semua untuk sama-sama menambahbaik sistem pengurusan kewangan di semua peringkat bermula dengan PTJ masing-masing dan seterusnya ke arah penjanaan perubahan yang lebih cemerlang kepada UniMAP.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh